



JPKK perlu tingkat integriti, tadbir urus dana kerajaan

Oleh [RoselanAb Malek](#) - Ogos 14, 2022 @ 4:02pm
bhnews@bh.com.my



Timbalan Menteri, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad menanam pokok selepas merasmikan Kempen Penanaman 100 juta pokok di sekitar Lipis, hari ini. - Foto NSTP/ ROSELAN AB MALEK

LIPIS: Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) akan melaksanakan lebih banyak Program Integriti dan Tadbir Urus Dana Kerajaan dalam kalangan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) di seluruh negara dengan memberi penekanan terhadap peranan dan tanggungjawab JPKK.

Timbalan Menteri I KPLB, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad, berkata, kementerian itu menerusi Institut Kemajuan Desa (INFRA) akan turut memfokuskan kepada modul berkaitan integriti dan tadbir urus dana kerajaan bagi memastikan JPKK yang dilantik memahami tatacara dan prosedur dalam pengendalian dana awam.

"Pada masa kini, semua JPKK yang dilantik akan menjalani kursus di INFRA, dengan mengikuti beberapa modul asas seperti kepemimpinan dan pengurusan kampung, keusahawanan, teknologi maklumat dan inap desa.

"Aspek integriti dan tadbir urus dana kerajaan akan ditambah dan dimasukkan dalam modul sedia ada dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) bagi memastikan kepekaan dan kesedaran JPKK dalam mengendalikan pengurusan dana awam kerajaan, selain mengelakkan ketirisan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Kempen Penanaman 100 juta pokok di sekitar bandar Lipis, hari ini. Turut hadir, Ketua Pengarah Penyiaran, Datuk Che Roslan Che Daud.

Abdul Rahman berkata demikian bagi mengulas aduan berkaitan rasuah dan salah guna kuasa dalam kalangan JPKK Negeri Pahang, yang disiarkan dalam beberapa portal berita, baru-baru ini.

Katanya, laporan itu turut Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM, Datuk Razim Mohd Nor, sebagai berkata, SPRM menerima 21 maklumat dan aduan membabitkan JPKK Negeri Pahang dalam tempoh lima tahun, bermula 2018, merangkumi 14 maklumat salah guna kuasa, raduah (enam) dan tuntutan palsu (satu).

Beliau berkata, daripada jumlah itu, satu kes sudah dituduh di mahkamah, dua kes masih dalam siasatan, lima kes menerima surat untuk memperbaiki kelemahan prosedur JPKK, manakala 13 kes tiada tindakan lanjut.

Pada masa sama, Abdul Rahman berkata, seramai 15,434 JPKK seluruh negara akan dibekalkan dengan pelbagai maklumat terkini dan sahih daripada kerajaan, termasuk maklumat berkaitan bantuan dan dana yang disediakan oleh kerajaan dalam membangunkan komuniti kampung masing-masing.

Abdul Rahman, yang juga Ahli Parlimen Lipis berkata, JPKK yang menjadi barisan hadapan dalam komuniti perlu sentiasa menitikberatkan aspek integriti dan tadbir urus yang baik dalam memastikan dana kerajaan dapat dimanfaatkan oleh penduduk di kawasan luar bandar.

Selain itu, beliau berkata, KPLB akan memperkenalkan Aspirasi Kampung Sejahtera, bagi mencapai aspirasi wawasan Luar Bandar Sejahtera ke arah mewujudkan komuniti kampung yang berdaya tahan, berinisiatif, berdikari dan berilmu.